



HARUN (dua kanan) menandatangani plak sebagai simbolik perasmian pembukaan Kedai Buku Penerbit UMS kelmarin.

Lebih 2,000 buku di Kedai Buku Penerbit UMS

Oleh ARMELLA
ALIHASSAN

UB 6.11.2015 A2

KOTA KINABALU: Sebanyak lebih 2,000 naskah buku melibatkan 200 judul kini boleh didapati di Kedai Buku Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, kedai buku berkenaan menawarkan harga serendah RM5 bagi setiap buku lama selepas potongan harga 80 peratus.

Katanya, bagi buku baharu, pihaknya menawarkan potongan harga sebanyak 10 hingga 20 peratus.

“Semua keluaran buku yang terdapat di Kedai Buku Penerbit UMS adalah hasil terbitan daripada beberapa institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

“Buku-buku berkenaan kebanyakannya lebih berbentuk kajian universiti. Selain itu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) turut menerbitkan buku ilmiah dan novel,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perasmian Kedai Buku Penerbit UMS di sini kelmarin.

Menurut Harun, kedai buku itu sudah memulakan operasinya sejak 20 Oktober lepas di bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS.

“UMS amat mengambil berat penerbitan ilmiah yang juga sumber maklumat penting dalam menyebarluaskan ilmu baharu daripada penyelidikan yang dijalankan.

“Diharapkan Penerbit UMS akan terus berusaha dalam mengekalkan kecemerlangan sedia ada disamping

sentiasa melakukan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa,” jelasnya.

Dalam pada itu, Harun turut berharap agar lebih ramai pensyarah dapat menghasilkan manuskrip yang berkualiti selain mempunyai faktor kebolehpasaran.

Beliau turut menjelaskan, peluang menerbitkan buku dengan UMS terbuka kepada semua kakitangan dan ia tidak terhad kepada kakitangan akademik sahaja.

Bagaimanapun katanya, proses penerbitannya masih tertakluk kepada prosedur-prosedur tertentu sebelum diluluskan untuk penerbitan.

Sehubungan itu, pihaknya berharap dengan adanya Kedai Buku Penerbit UMS, orang awam dan warga UMS akan mendapat akses yang mudah untuk mendapatkan buku-buku terbitan UMS.